



## TERMA DAN SYARAT - KAD KREDIT BSN VISA CASH BACK

Terma dan syarat yang berikut mengawal penggunaan Kad Kredit BSN Visa Cash Back ("Kad") yang dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasional ("BSN") yang mengikat Ahli Kad. Terma dan syarat yang terkandung di sini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Kad Kredit BSN Visa/MasterCard. Anda dianggap telah menerima terma dan syarat di sini dan Perjanjian Kad Kredit BSN Visa/MasterCard dan terikat olehnya apabila memohon kad, pengakuan penerimaan dan/atau penggunaan Kad Kredit BSN Visa Cash Back. Dengan ini, anda seharusnya membaca dan memahami terma dan syarat ini sebelum berbuat demikian.

1. Tertakluk pada terma dan syarat ini, Ahli Kad layak mendapat ganjaran pulangan tunai ("Pulangan Tunai") seperti yang dinyatakan di bawah:

- (a) Peratusan peruntukan Pulangan Tunai yang akan diberikan berdasarkan jumlah perbelanjaan bulanan Ahli Kad dan kategori terpilih mengikut jadual di bawah:

Peringkat	Jumlah Perbelanjaan Runcit Bulanan	Pulangan Tunai					Perbelanjaan Luar Negara (Bukan mata wang RM)			
		Perbelanjaan Tempatan				Barangan Runcit	Tempat Makan	Petrol	Lain-lain Perbelanjaan Runcit	
1	RM999.99 dan ke bawah	0.2%	0.2%	0.2%	0.2%	0.2%	1.0%			
2	RM1,000.00 hingga RM2,999.99	1.0%	1.0%	1.0%	0.2%	0.2%	1.0%			
3	RM3,000.00 dan ke atas	5.0%	5.0%	5.0%	0.2%	0.2%	1.0%			
Jumlah Pulangan Tunai Dihadkan Setiap Bulan		RM15 setiap kategori setiap bulan				Tiada Had				

- (b) Pulangan Tunai adalah terkumpul secara bulanan dan berdasarkan Kod Kategori Peniaga (KKP) terpilih yang berikut:

Perkara	Kategori	KKP yang layak	Huraian
i.	Barangan runcit	5411 5422	Kedai runcit, Pasaraya Daging – Pembekuan dan Penyimpanan
ii	Tempat makan	5812 5813 5814	Tempat Makan dan Restoran Tempat Minum, Bar, Ruang Istirehat Koktel, Kelab malam dan Disko (minuman beralkohol) Restoran makanan segera
iii	Petrol	5541 5542	Manual Stesen Bahan Api Dispenser Bahan Api Automatik
iv.	Lain-lain perbelanjaan runcit	Semua KKP lain yang tidak termasuk dalam mana-mana di atas (perkara i sehingga iii).	

2. Bagi tujuan pengiraan Pulangan Tunai, perbelanjaan mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) dan hendaklah berdasarkan rekod transaksi Bank sahaja, yang adalah muktamad, melainkan kesilapan yang nyata.
3. Penentuan jenis transaksi yang layak dan KKP dan/atau penentuan perbelanjaan Ahli Kad yang melayakkkan Pulangan Tunai berkenaan dengan setiap transaksi pembayaran adalah tertakluk kepada klasifikasi oleh bank pemeroleh masing-masing dan ia adalah tanggungjawab bank pemeroleh tertentu untuk menentukan KKP yang betul. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penentuan KKP yang tidak tepat yang boleh

menyebabkan Pulangan Tunai gagal diposkan (*non-posting*) bagi urus niaga di tempat perniagaan yang layak. Ahli Kad tidak berhak menuntut sebarang pampasan daripada BSN atas kegagalan pengeposan Pulangan Tunai yang disebabkan oleh penentuan KKP yang tidak tepat oleh bank pemeroleh peniaga masing-masing.

4. Transaksi berikut adalah dengan jelas **DIKECUALIKAN** dan tiada Pulangan Tunai akan diberikan berkenaan dengan di bawah:
  - (a) Jenis transaksi tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi Pendahuluan Tunai, Program Pindahan Baki BSN dan Pelan EasyCash BSN;
  - (b) Transaksi tunai Separa (Quasi) (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
  - (c) Yuran dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada caj untuk pengeluaran wang tunai dan bayaran tunai, yuran tahunan, faedah, transaksi yang dipertikaikan, caj kerajaan dan apa-apa jenis caj dan denda;
  - (d) Transaksi penukaran ansuran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelan Instalment-Pay BSN dan Pelan 0% EasyPay BSN;
  - (e) Pemindahan dana (dari akaun BSN samada oleh BSN atau pihak ketiga);
  - (f) Transaksi dipertikaikan yang kemudiannya dibalikkan daripada akaun Ahli Kad;
  - (g) Tambah nilai prabayar, tambah nilai untuk e-dompet atau lain-lain kredit tersimpan kad; dan
  - (h) Semua transaksi pembayaran derma, amal, cukai dan sebarang pembayaran berkaitan dengan kerajaan di bawah KKP yang ditetapkan seperti di bawah:

KKP	Huraian
9211	Kos mahkamah termasuk nafkah cerai dan nafkah anak
9222	Denda
9223	Pembayaran ikat jaminan dan bon
9399	Perkhidmatan kerajaan
9402	Perkhidmatan pos – kerajaan sahaja

- (i) Pembayaran melalui JomPAY dan *Financial Process Exchange (FPX)*. - **Berkuat kuasa 15 Ogos 2023.**
5. Pulangan Tunai yang diperoleh oleh Ahli Kad bagi setiap bulan semasa akan dikira pada setiap akhir bulan kalender dan akan dikreditkan ke akaun kad kredit Ahli Kad pada bulan berikutnya. Hanya transaksi yang diposkan ke akaun kad kredit Ahli Kad pada bulan semasa akan layak bagi pengiraan pulangan tunai. Jika mana-mana transaksi dipertikaikan atau atau didakwa sebagai penipuan, Pulangan Tunai yang diperolehi daripada transaksi tersebut boleh dibalikkan atau dibatalkan oleh BSN mengikut budi bicaranya.
6. Transaksi yang dibuat oleh Ahli Kad Tambahan juga berhak untuk Pulangan Tunai. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Ahli Kad Utama dan/atau Ahli Kad Tambahan masing-masing.
7. Semasa pengkreditan Pulangan Tunai, Kad mesti aktif/sah, wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh BSN.
8. BSN berhak menahan atau membatalkan ganjaran Pulangan Tunai jika akaun itu tertunggak, bermasalah, ditutup, dibawah siasatan atau akaun Ahli Kad dalam pertikaian dengan Bank.
9. Kad ini tidak berhak bagi sebarang BSN *Happy Point*. Pulangan Tunai yang diperoleh tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, BSN *Happy Point* atau baucer, sebahagian atau sepenuhnya.
10. BSN berhak untuk mengubah, menukar, menambah, memadam, membatalkan, menggantung atau menamatkan sebarang ciri-ciri Kad Kredit BSN Visa Cash Back (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengurangan ganjaran Pulangan Tunai) dan hak untuk mengubah, menukar, meminda, memadam atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan kepada Ahli Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum pindaan itu dan akan berkuatkuasa pada tarikh yang boleh dipilih oleh BSN. Mengikut budi bicara BSN, notis penambahan atau pengubahsuaian atau pindaan itu boleh dilaksanakan oleh salah satu cara komunikasi berikut:
  - (a) melalui penghantaran notis tersebut kepada Ahli Kad secara kurier atau serahan tangan;
  - (b) melalui penampalan notis dalam premis BSN atau cawangannya yang memaklumkan perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;

- (c) melalui penerbitan tunggal di dalam satu atau lebih akhbar pilihan BSN berkenaan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;
- (d) memasukkan lampiran ke dalam Penyata Akaun akan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;
- (e) melalui penghantaran notis berkenaan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan kepada Ahli Kad melalui pos biasa atau berdaftar;
- (f) melalui penghantaran notis akan pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan secara SMS atau melalui elektronik kepada Ahli Kad; atau
- (g) mempamerkan notis akan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan pada sesawang BSN.

Komunikasi kepada Ahli Kad melalui salah satu cara komunikasi di atas adalah dianggap telah diterima oleh atau disampaikan kepada Ahli Kad dan pada hari penghantaran di mana notis pindaan dihantar kepada Ahli Kad melalui kurier atau serahan tangan pada hari penerimaan. Perubahan tersebut akan terpakai pada tarikh kuatkuasa yang ditentukan oleh BSN dan akan terpakai kepada semua Baki Tertunggak dalam Akaun Kad. Pengekalan atau penggunaan Kad selepas tarikh kuatkuasanya apa-apa perubahan terma-terma dan syarat-syarat akan dianggap sebagai penerimaan sepenuhnya perubahan tersebut tanpa ragu-ragu oleh Ahli Kad.

11. Penamatan atau penggantungan ciri-ciri Kad Kredit BSN Visa Cash Back oleh BSN tidak memberi hak kepada Ahli Kad untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap BSN untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Ahli Kad akibat daripada tindakan penamatan atau penggantungan.
12. Terma dan syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

Versi bertarikh  
25/07/2023